

Qnet (M) Sdn Bhd sasar 15,000 keahlian bebas di S'wak

Oleh Henrietta Liza

KUCHING: Qnet (M) Sdn Bhd menyasarkan kenaikan sejumlah 15,000 keahlian bebas di Sarawak daripada 8,000 ahli sebelum ini selepas membuka cawangan barunya di Kuching semalam.

Pengurus Besar Qnet (M) Sdn Bhd Navaratnam. V memberitahu media pihaknya memilih untuk membuka sebuah cawangan di luar kawasan Semenanjung Malaysia iaitu Sarawak bagi memenuhi keperluan logistik di dua buah negeri di kepulauan Borneo (Sabah dan Sarawak).

"Tambah pula, kita mempunyai permintaan pasaran daripada orang tempatan di sini dan kita memilih Sarawak kerana melihat kepada perkembangan pe-

sat pembangunannya yang strategik serta sikap agresif dan dinamik oleh ahli bebas dalam menjalankan perniagaan Qnet," katanya pada sidang media semalam.

Navaratnam turut memberitahu media pihaknya akan cuba mempertimbangkan pembukaan baru cawangan Qnet di Sabah sekiranya keahliannya bertambah dan mempunyai masalah logistik di sana.

"Pembukaan baru cawangan ini bakal membantu pengurusan jualan perniagaan yang lebih lancar iaitu pengurangan waktu kiriman yang sebelum ini memakan masa yang agak lama," ujarnya.

Beliau turut memberitahu pusat cawangan di Kuching akan dijadikan hab untuk menjalankan aktiviti melatih



NAVARATNAM. V

ahli bebas yang mahu mencari pendapatan sampingan di samping membuka peluang

kepada usahawan baru.

Navaratnam berkata ahli bebas di Sarawak kini ber-

peluang untuk menikmati promosi 'Qnet Bonanza Extravaganza' yang diadakan secara global.

Jelasnya lagi ibu pejabat 15 tingkat Qnet di Petaling Jaya akan beroperasi sepenuhnya awal suku tahun hadapan.

Beliau juga memberitahu ahli bebasnya sebelum ini pernah mendapat komisen jualan di dalam lingkungan RM6 juta hasil jualan yang memberangsangkan beberapa tahun lepas.

Qnet Kuching beralamat di Unit No.1, Tingkat 1, Lot 2989, Wisma Keretapi, Jalan Tun Ahmad Zaidi Adruce, 93200 Kuching, Sarawak.

Jualan langsung Qnet terdiri daripada pelbagai keperluan semasa individu dan keluarga berasaskan bahan organik tumbuhan dan selamat di-

gunakan.

"Antaranya, barangan kesihatan, nutrisi, barang kemas, aksesori, komunikasi, kristal dan keperluan peribadi.

"Qnet merupakan ahli korporat Malaysian Direct Distribution Association (MDDA) dan Business Ethics Institute of Malaysia (BEIM) dan beribu pejabat di Hong Kong, China," katanya.

Keahlian boleh disertai dengan membayar sebanyak RM70 bergantung kepada syarat Qnet yang boleh dihubungi di talian 03-79679800 untuk pertanyaan lanjut.

Turut hadir pada majlis berkenaan adalah Pengurus Operasi Qnet (M) Sdn Bhd, Venie Kandiah dan Pengurus Komunikasi Korporat Qnet (M) Sdn Bhd Dominic Tan.